



## 1. SYARAT DAN PERATURAN AM

- a) Perlumbaan ini hanya untuk **BASIKAL LUMBA** sahaja dan terbuka kepada semua yang berminat samada dari dalam atau luar bandaraya Miri. Sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun **DIWAJIBKAN** untuk mendapatkan kebenaran ibu-bapa atau penjaga.
- b) Yuran penyertaan berjumlah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** untuk setiap penyertaan dan pembayaran awal **sebelum 8<sup>th</sup> September 2019.**
- c) Tarikh tutup penyertaan ialah 8<sup>th</sup> September 2019.
- d) Pembayaran mestilah dibayar ke akaun **Jawatankuasa Perhubungan Komuniti Subis : Bank Islam Malaysia Berhad, 11022010042355**  
Resit pembayaran dan borang penyertaan boleh dihantar melalui Whatapp ke talian +60194859688 (Puan Serina) atau +60148820032 (En Fadil).
- e) Tiada pulangan wang akan dikembalikan selepas pendaftaran dibuat atas apa jua alasan atau keadaan sekalipun.
- f) Dilarang sama sekali untuk memindahkan atau menukar penyertaan kepada orang lain.
- g) Adalah menjadi tanggungjawab peserta itu sendiri untk memastikan keadaan kesihatan adalah sihat dan baik untuk menyertai perlumbaan itu. Setiap peserta dinasihatkan untuk mempunyai insuran untk perlindungan kemalangan atau kecederaan atau kecederaan atau apa jua kerugian kepada peserta.
- h) Pihak penganjur tidak menyediakan pengangkutan atau penginapan kepada peserta sebelum semasa dan selepas perlumbaan. Jika ada peserta yang memerlukan perkhidmatan yang tersebut, boleh menghubungi **Puan Serina Salleh** di talian **019-4859688** untuk bantuan.
- i) Jarak dan masa perlumbaan adalah berdasarkan anggaran sahaja. Pihak penganjuran berhak untuk meminda laluan perlumbaan. Pihak penganjur juga pada bila-bila masa, boleh dan berhak untuk meminda atau menukar laluan atau masa perlumbaan Subis Challege 2019 untuk memastikan keselamatan semua pihak. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab atas segala kerugian atau apa jua masalah yang berlaku akibat perubahan perlumbaan yang dilakukan.
- j) Semua keputusan penganjur adalah muktamad dan tiada bantahan akan diterima.
- k) Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas segala apa jua kemalangan yang menimpa pelumba semasa dan selepas perlumbaan.
- l) **Ramai pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung untk memastikan acara ini berjalan lancar dan selamat. Pastikan semua pelumba mengikut arahan dan menghormati mereka yang bertugas.**



## 2. KATEGORI PERLUMBAAN – LEBUHRAYA LEPAS BERAMAI RAMAI

<u>BICYCLE TYPE</u>	<u>KATEGORI</u>	<u>KELAYAKAN</u>	<u>LAIN-LAIN</u>
BASIKAL LUMBA	LELAKI SENIOR MASTER TERBUKA	BERUMUR 51 TAHUN KE ATAS	<b>Salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama borang <u>penyertaan</u></b>
	LELAKI MASTER TERBUKA	BERUMUR 41 – 50 TAHUN	
	LELAKI ELIT TERBUKA	BERUMUR 31 – 40 TAHUN	
	LELAKI SENIOR TERBUKA	BERUMUR 21 – 30 TAHUN	
	LELAKI JUNIOR TERBUKA	BERUMUR 20 TAHUN KE BAWAH	
TERBUKA	LELAKI SUPER XL TERBUKA	BERAT MELEBIHI 90 KG	Peserta akan ditimbang berat sebelum perlumbaan dimulakan <b>Perlumbaan ini akan diadakan jika adanya penyertaan melebihi 10 orang</b>
	WANITA TERBUKA	UNTUK WANITA SAHAJA	<b>Perlumbaan ini akan diadakan jika adanya penyertaan melebihi 10 orang</b>

## 3. HADIAH PEMENANG

<u>NO</u>	<u>KATEGORI</u>	<u>JUARA</u>	<u>NAIB JUARA</u>	<u>KE-TIGA</u>	<u>No.4 – No.10</u>
01	LELAKI SENIOR MASTER TERBUKA	RM1000.00 + PIALA	RM700.00 + PIALA	RM300.00 + PIALA	PIALA
02	LELAKI MASTER TERBUKA	RM1000.00 + PIALA	RM700.00 + PIALA	RM300.00 + PIALA	PIALA
03	LELAKI ELIT TERBUKA	RM1000.00 + PIALA	RM700.00 + PIALA	RM300.00 + PIALA	PIALA
04	LELAKI SENIOR TERBUKA	RM1000.00 + PIALA	RM700.00 + PIALA	RM300.00 + PIALA	PIALA
05	LELAKI JUNIOR TERBUKA	RM1000.00 + PIALA	RM700.00 + PIALA	RM300.00 + PIALA	PIALA
06	LELAKI SUPER XL TERBUKA	RM700.00 + PIALA	RM500.00 + PIALA	RM200.00 + PIALA	PIALA
07	WANITA TERBUKA	RM700.00 + PIALA	RM500.00 + PIALA	RM200.00 + PIALA	PIALA

**PESERTA YANG MENAMATKAN PERMULAAN AKAN DIBERI \*MEDAL FINISHER\***



#### 4. TAKLIMAT PERLUMBAAN DI PUSAT BELIA DAN SUKAN MIRI (KPS MIRI)

<u>TARIKH</u>	<u>MASA</u>	
28 Sept 19	1000 – 1200	Pendaftaran peserta Pengambilan tag perlumbaan Pengambilan berat badan untuk kategori Super XL
	1200 – 1300	Taklimat perlumbaan oleh komisar Perlumbaan

#### 5. JADUAL PERLUMBAAN

<u>TARIKH</u>	<u>MASA</u>	
29 September 2019	0600-0630	Pendaftaran pelumba kategori Lelaki Super XL dan Terbuka Wanita.
	0700	Pelepasan perlumbaan untuk kategori Super XL dan Terbuka Wanita
	0700-0800	Pendaftaran pelumba kategori Lelaki Senior Master, Master, Elit, Senior dan Junior.
	0830-0900	Kedatangan pelumba Super XL dan Terbuka Wanita
	0930	Pelepasan perlumbaan untuk kategori Lelaki Senior Master, Master, Elit, Senior dan Junior.
	1130-1200	Kedatangan pelumba Lelaki Senior Master, Master, Elit, Senior dan Junior.
	1300	Penyampaian hadiah




## 6. PERATURAN AM PERLUMBAAN

- a) Setiap pelumba **WAJIB** :
  - I. Menggunakan helmet dan pakaian yang bersesuaian.
  - II. Memastikan basikal dalam keadaan yang sangat memuaskan dan selamat digunakan
  - III. Melaporkan diri 1 jam sebelum perlumbaan
  
- b) Penyertaan pelumba **DIBATALKAN** serta-merta dan yuran kemasukan tidak akan dikembalikan jika berlaku:
  - I. Pelumba didapati menggunakan alkohol dan dadah terlarang untuk berlumba.
  - II. Didapati pelumba engkar arahan dari pegawai perlumbaan.
  - III. Jika didapati pelumba berlumba secara merbahaya, penggunaan kata-kata kesat dan apa-apa perbuatan yang tidak sopan yang tidak mencerminkan semangat kesukanan.
  - IV. Membawa botol kaca, senjata, peralatan music MP3
  - V. Membawa pam angin, penggunaan aero-bar.
  
- c) Feeding Zone bermula selepas 30 km perlumbaan diadakan dan berakhir 20 km sebelum penamat perlumbaan
  
- d) **Kenderaan jenis salun sahaja** yang dibenarkan untuk menjadi kenderaan pasukan dan 3 orang sahaja yang dibenarkan didalam kenderaan iaitu **pemandu, mekanik dan jurulatih**.
  
- e) Kenderaan pasukan (jika ada) hanya dibenarkan mengiringi perlumbaan di belakang mengikut nombor dan nombor hendaklah sentiasa dilekat di sebelah kiri cermin hadapan dan belakang.

**\*\* SEBARANG PERUBAHAN MASA ATAU LALUAN ATAU PERATURAN AKAN DIMAKLUMKAN**



7. LALUAN PERLUMBAAN UNTUK KATEGORI WANITA TERBUKA DAN LELAKI SUPER XL TERBUKA.



**START / FINISH (1 Lap 50km)**



8. LALUAN PERLUMBAAN UNTUK KATEGORI KATEGORI LELAKI TERBUKA SENIOR MASTER / MASTER / ELIT / SENIOR / JUNIOR

